

25/10/1998

Peluang kumpul duit (HL)

Saidon Idris

KUALA LUMPUR: Orang ramai terutama peniaga, mempunyai peluang meraih seberapa banyak pendapatan tahun depan dan pada masa yang sama bebas daripada membayar cukai.

Golongan yang bekerja dengan majikan di syarikat yang berkeupayaan pula, boleh membuat kerja lebihan untuk menambah pendapatan tanpa dikenakan cukai bagi pendapatan sepanjang tahun depan.

Pakar percukaian berpendapat, langkah yang diumumkan dalam Belanjawan Negara 1999 itu adalah satu bentuk bonus kepada rakyat. Ia juga boleh membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pengarah eksekutif syarikat perakaunan awam Ernst & Young, Lee Hock Khoon ketika diminta mengulas mengenai implikasi sistem pengiraan cukai baru yang akan berkuatkuasa tahun 2000 apabila pembayaran cukai dibuat berdasarkan kepada pendapatan tahun semasa, menjelaskan:

"Sebagai seorang akauntan dan pakar percukaian, nasihat kami kepada semua ialah buat seberapa banyak pendapatan tahun depan kerana pendapatan itu tidak dikenakan cukai."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, ketika membentangkan Belanjawan Negara 1999 kelmarin, berkata dengan pelaksanaan sistem cukai yang berasaskan tahun semasa itu, pendapatan pada tahun 1999 tidak lagi dikenakan cukai.

Sementara itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjelaskan pembayar cukai yang bekerja selepas potongan cukai berjadual (PCB) diperkenalkan pada 1 Januari 1995, tidak perlu membuat potongan itu pada tahun depan kerana cukai pendapatan bagi 1998 sudah dijelaskan melalui PCB tahun ini. Ia adalah untuk mengelakkan pembayaran cukai untuk dua tahun, apabila sistem baru itu dilaksanakan.

Mengikut peraturan baru, pada tahun 2000, pembayar cukai akan membuat bayaran taksiran cukai untuk tahun 2000, bukan bagi 1999 seperti diamalkan mengikut sistem sekarang. Pada tahun depan, cukai yang dikenakan adalah bagi tahun taksiran 1998.

Lee berpendapat orang ramai terutama peniaga boleh mengambil kesempatan daripada langkah kerajaan itu dengan mencuba mencatatkan sebanyak mungkin pendapatan tahun depan.

Menyifatkan waktu pelaksanaan langkah itu sebagai bertepatan dengan keadaan ekonomi semasa, Lee berkata, ia dijangka memberi manfaat kepada masyarakat peniaga, kerana tidak perlu membuat sebarang peruntukan cukai dalam penyata pendapatan mereka.

"Jadi bagi 1999, syarikat dijangka mencatatkan keputusan kewangan selepas cukai yang lebih baik," katanya.

Lee juga turut bersetuju, secara tidak langsung, pelaksanaan sistem baru itu adalah melanjutkan tempoh pemberian pengecualian cukai kepada rakyat negara ini yang mahu membawa balik wang yang disimpan di luar negara.

Ini kerana disebabkan pendapatan yang diperolehi pada tahun depan tidak dikenakan cukai, mereka yang mempunyai wang simpanan di luar negara masih boleh menikmati pengecualian cukai sekiranya membawa balik wang simpanan mereka selepas tempoh yang ditetapkan.

Bagi menambah mudah tunai di pasaran tempatan, Mei lalu kerajaan mengumumkan rakyat tempatan yang secara sukarela membawa masuk wang simpanan mereka di luar negara sehingga 31 Disember ini akan diberikan pengecualian cukai.

Sementara itu, LHDN dalam satu kenyataan menyatakan pembayar cukai yang

bekerja selepas 1 Januari 1995, akan menyambung PCB pada tahun 2000 untuk cukai tahun semasa. Ini turut meliputi pembayar cukai di Sabah dan Sarawak.

Kenyataan itu adalah sebagai memperjelaskan sistem pentadbiran cukai baru berkuatkuasa tahun 2000 yang diumumkan dalam Belanjawan Negara diumumkan Dr Mahathir.

LHDN berkata bagi pembayar cukai yang bekerja sebelum sistem PCB diperkenalkan, mereka masih perlu membayar cukai berkenaan pada tahun depan.

Ia adalah untuk menjelaskan cukai bagi pendapatan pada 1998 yang dikira bagi Tahun Taksiran 1999.

LHDN bagaimanapun meminta majikan menunggu arahan bertulis daripadanya berhubung potongan cukai pendapatan pekerja masing-masing sebelum menghentikan pembayaran cukai berkenaan.

Sehingga arahan itu dikeluarkan, majikan masih dikehendaki membuat potongan cukai berjadual daripada gaji pekerja mereka dan meremitkan potongan itu kepada LHDN.

(END)